

08 SEP 1996

Czech - Lawatan (Bergambar)

PERDANA MENTERI CZECH TIBA UNTUK LAWATAN TIGA HARI

KUALA LUMPUR, 8 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Czech Vaclav Klaus tiba di sini hari ini untuk lawatan tiga hari ke Malaysia untuk meningkatkan hubungan dua hala termasuk kerjasama perdagangan dan ekonomi.

Klaus, diiringi oleh isteri, Livia Klausova, dan delegasi disambut oleh Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi setibanya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang, dekat sini.

Yang turut hadir ialah Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Khalid Yunus selaku Menteri Pengiring.

Delegasi Czech itu termasuk Timbalan Menteri di Pejabat Perdana Menteri, Jiri Weigl, dan Pemangku Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Pavel Dvorak.

Upacara sambutan rasmi akan diadakan di Medan Parlimen esok. Ini merupakan lawatan rasmi Klaus yang pertama ke Malaysia atas undangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Pemimpin Czech itu akan melawat Taman Orkid dan projek Menara Kembar Kuala Lumpur City Centre (KLCC) lewat hari ini.

Selepas istiadat sambutan rasmi, Klaus akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar di Istana Negara dan mengadakan pertemuan dengan Dr Mahathir pada sebelah tengah hari.

Beliau juga dijadualkan menyampaikan ucapan dasar pada seminar ekonomi dan menghadiri jamuan tengah hari anjuran Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan Malaysia (DPPKM).

Dr Mahathir juga akan meraikan Klaus pada majlis jamuan di kediamannya di Sri Perdana, malam esok. -- BERNAMA

MS FAZ